



KETUA SETIAUSAHA
SECRETARY GENERAL
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT
MINISTRY OF WOMEN, FAMILY
AND COMMUNITY DEVELOPMENT
Aras 36, No.55,
Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 PUTRAJAYA,
MALAYSIA.

Tel : 03 - 8000 8000
Faks : 03 - 8323 2003
Portal Rasmi : www.kpwkm.gov.my
Email : ksu@kpwm.gov.my

Ruj. Kami : KPWKM.K.(S).400 – 10/10/9 (2)

Tarikh : 23 Julai 2025

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik)
Semua Setiausaha Bahagian
Semua Ketua Jabatan dan Agensi
Presiden Tribunal Bagi Antigangguan Seksual (TAGS)

**ARAHAN PEGAWAI PENGAWAL
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
BILANGAN 1 TAHUN 2025**

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PEROLEHAN HIJAU KERAJAAN

1. TUJUAN

Arahan Pegawai Pengawal ini bertujuan untuk memaklumkan Garis Panduan pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan (GGP) di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebagai rujukan dan panduan untuk diambil kira sebagai kriteria dalam spesifikasi semasa pelaksanaan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja di Kementerian serta Jabatan dan Agensi di bawahnya.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Perolehan Hijau Kerajaan atau *Government Green Procurement* adaiah merujuk kepada perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja di sektor Kerajaan dengan mengambil kira penggunaan bahan/barangan yang memenuhi kriteria alam sekitar untuk memulihara alam sekitar dan sumber alam semula jadi serta meminimumkan dan mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti manusia.

- 2.2 Oleh itu, selaras dengan pelaksanaan *Sustainable Development Goal* (SDG) 12, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan pekeliling berkaitan Dasar Perolehan Hijau Kerajaan PK1.9 yang berkuatkuasa mulai 29 November 2022 bagi menggalak dan membudayakan pembelian produk dan perkhidmatan hijau di sektor awam ke arah pembangunan hidup lestari serta sebagai pemangkin kepada sektor swasta untuk mencontohi usaha Kerajaan.
- 2.3 Dasar tersebut antara lainnya telah menetapkan supaya semua Kementerian bertanggungjawab untuk memantau dan menyelarasi pelaporan pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan di peringkat Kementerian, Jabatan dan Agensi.
- 2.4 Selain itu, seiring dengan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam di bawah Teras Keberhasilan Reformasi (TKR 1) Penghayatan Nilai dan Tatakelola melalui Strategi Keberhasilan Reformasi (SKR 5) Pembudayaan Amalan Hijau, KPWK M telah membangunkan Garis Panduan Pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan (GGP KPWK M) yang merupakan garis panduan pertama berkaitan perolehan hijau di bawah Kementerian.
- 2.5 GP GGP KPWK M adalah panduan bagi semua perolehan produk dan perkhidmatan yang melibatkan item-item berikut:
- i. Kertas
 - ii. Cat
 - iii. Peralatan ICT
 - iv. Pencetak serbaguna (Mesin Penyalin atau Mesin Pencetak)
 - v. Toner
 - vi. Perkhidmatan Pembersihan
 - vii. Kipas
 - viii. Lampu
 - ix. Penghawa Dingin

- x. Alat Pemadam Api
- xi. Perkhidmatan Percetakan

Nota: Senarai produk dan perkhidmatan adalah tertakluk kepada pindaan dan keperluan dari semasa ke semasa

3. INTEGRASI GGP DALAM PEROLEHAN

3.1 Integrasi kriteria perolehan hijau boleh dilaksanakan melalui dokumen tender atau sebut harga perolehan sebagai arahan kepada petender atau penyebut harga di bahagian tajuk, spesifikasi teknikal, kriteria penganugerahan dan keperluan keupayaan teknikal.

3.2 Kriteria-kriteria perolehan hijau boleh dirujuk dalam Garis Panduan Penyediaan Spesifikasi Perolehan Hijau KPWK di **Lampiran 1**.

4. TARIKH KUAT KUASA


Garis panduan ini berkuatkuasa pada tarikh ia ditandatangani dan hendaklah dibaca bersama Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Perbendaharaan serta mana-mana Surat Pekeliling dan peraturan-peraturan kewangan berkaitan yang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK DR. MAZIAH BINTI CHE YUSOFF)

GARIS PANDUAN

PENYEDIAAN SPESIFIKASI PEROLEHAN HIJAU KERAJAAN (*GOVERNMENT GREEN PROCUREMENT*)

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT
(KPWKM)**

ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	M/S
1.	PANDUAN PENYEDIAAN SPESIFIKASI PEROLEHAN HIJAU KERAJAAN/ <i>GOVERNMENT GREEN PROCUREMENT</i> - GGP	3
I.	PEROLEHAN KERTAS	4
II.	PEROLEHAN CAT	5
III.	PEROLEHAN ICT	6
IV.	PEROLEHAN PENCETAK SERBAGUNA	7
V.	TONER	8
VI.	PEROLEHAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN	9
VII.	PEROLEHAN KIPAS	11
VIII.	PEROLEHAN LAMPU	12
IX.	PEROLEHAN PENGHAWA DINGIN	15
X.	PEROLEHAN BENGKEL AUTOMOTIF	16
XI.	PEROLEHAN ALAT PEMADAM API (JENIS SERBUK KERING)	19
XII.	PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERCETAKAN	20
2.	RUJUKAN	22

1. PANDUAN PENYEDIAAN SPESIFIKASI PEROLEHAN HIJAU KERAJAAN/GOVERNMENT GREEN PROCUREMENT – GGP

- Integrasi elemen hijau dalam perolehan boleh dilaksanakan melalui dokumen tender perolehan sebagai arahan kepada petender di bahagian perkara/tajuk, spesifikasi teknikal, kriteria penganugerahan dan keperluan keupayaan teknikal dan professional.
- Elemen hijau dinilai melalui pematuhan kepada Kriteria Mandatori dan Kriteria Penganugerahan.

KRITERIA MANDATORI

- Kriteria Mandatori merupakan keperluan yang wajib dipatuhi oleh semua petender bagi tujuan pematuhan kepada piawai mesra alam yang berkenaan.
- Setiap Jabatan/Bahagian yang melaksanakan perolehan perlu memastikan Kriteria Mandatori yang tertera dalam spesifikasi Garis Panduan ini dinyatakan dengan jelas mengikut kesesuaian perolehan dan kaedah perolehan yang akan dilaksanakan (pembelian terus/sebut harga/tender/e-Bidding).

KRITERIA PENGANUGERAHAN (MARKAH TAMBAHAN)

- Kriteria Penganugerahan bukan merupakan kriteria wajib. Sekiranya sesuatu produk atau perkhidmatan boleh memenuhi kriteria ini, maka petender perlu dipertimbangkan untuk mendapat markah tambahan dalam proses penilaian tender atau sebutharga.

GARIS PANDUAN PEMARKAHAN

- Contoh garis panduan pemarkahan yang boleh digunakan adalah seperti berikut:

BIL	KRITERIA PENILAIAN	PEMBERAT (%)
1	Teknikal • Kriteria Mandatori (70%) • Kriteria Penganugerahan (20%)	50
2	Kewangan	50
JUMLAH		100

I. PEROLEHAN KERTAS


1. PENDEKATAN GGP HENDAKLAH MELIPUTI:

- Membeli kertas berdasarkan kepada penggunaan semula gentian kertas pasca-pengguna (kertas kitar semula) atau kertas berdasarkan undang-undang dan/atau gentian asal yang lestari.
- Membeli kertas yang dihasilkan melalui penggunaan dan pelepasan tenaga yang rendah.
- Mengelakkan penggunaan bahan-bahan tertentu dalam pengeluaran kertas dan bahan peluntur.

2. SKOP

Membekalkan produk kertas mesra alam. Kriteria produk termasuk kertas yang digunakan untuk menulis, mencetak dan menyalin - sehingga 170g/m². Ia juga merangkumi produk akhir kertas (*finished paper product*) seperti kertas tulis (*writing pad*), buku lukisan (*drawing book*), folder, fail dan lain-lain.

3. SPESIFIKASI PRODUK

KRITERIA MANDATORI	PEMBUKTIAN
• Semua gentian mesti mempunyai skim pengurusan hutan mampan yang sah dan / atau rantai sijil jagaan dikeluarkan oleh skim pensijilan oleh pihak ketiga seperti <i>Forest Stewardship Council (FSC)</i> atau <i>Programme for the Endorsement of Forest Certification (PEFC)</i> atau yang setara; atau • Serat yang Kitar Semula (Recycle Fibre) yang memenuhi keperluan MS2080:2008; atau • Mendapat pengiktirafan MyHijau Mark	<i>Forest Stewardship Council (FSC)</i> <i>Programme for the Endorsement of Forest Certification (PEFC)</i> 

II. PEROLEHAN CAT

1. PENDEKATAN GGP HENDAKLAH MELIPUTI:

- Meminimumkan impak alam sekitar yang negatif dalam pengeluaran cat.
- Pembelian produk cat yang mengandungi bahan-bahan yang kurang berbahaya.
- Mengurangkan pembaziran.

2. SKOP

Membekalkan cat mesra alam.

3. SPESIFIKASI PRODUK

KRITERIA MANDATORI	PEMBUKTIAN
• Mempunyai pengiktirafan MyHijau Mark • Mendapat pensijilan Ekolabel SIRIM • Spesifikasi Teknikal Cat - Pembekal hendaklah membekalkan cat yang tidak mengandungi logam berat seperti raksa, plumbum, kadmium, kromium heksavalen, arsenik, antimoni, <i>triphenyl tins</i> (TPT) dan <i>tributyl tins</i> (TBT). Walau bagaimanapun, kandungannya boleh mengandungi bendasing atau kesan (<i>trace</i>) yang berasal daripada bahan mentah. Jumlah bagi logam berat tidak boleh melebihi 0.1% (1,000 ppm) mengikut berat. - VOC produk mesti mematuhi kriteria berikut: - o Emulsi cat: VOC tidak boleh melebihi 50 g/l. - o Varnis lain berasaskan air: VOC tidak boleh melebihi 100 g/l. - o Cat dan varnis berasaskan pelarut: VOC tidak boleh melebihi 300 g/l. • <i>Formaldehyde</i> tidak boleh digunakan dan jika digunakan kandungannya tidak boleh melebihi 10 mg/kg.	 

III. PEROLEHAN ICT

1. PENDEKATAN GGP HENDAKLAH MELIPUTI:

- Pembelian model cekap tenaga
- Pembelian produk dengan jumlah bahan berbahaya yang terhad.
- Direka bentuk untuk dikitar semula, tahan lebih lama dan menggalakkan pengambilan semula (*take back*).
- Pelupusan selamat produk akhir (kitar semula, penggunaan semula).

2. SKOP

Membekalkan peralatan ICT mesra alam dan cekap tenaga termasuk komputer meja dan komputer riba (*notebook*).

3. SPESIFIKASI PRODUK

KRITERIA MANDATORI	PEMBUKTIAN
• Mempunyai kriteria cekap tenaga dan mendapat pengiktirafan International <i>Energy Star Rating</i> minima 5.2 dan mendapat pengiktirafan MyHijau Mark	 
KRITERIA PENGANUGERAHAN (MARKAH TAMBAHAN)	PEMBUKTIAN
Polisi Pengambilan Semula dan Kitar Semula • Pembekal mempunyai polisi pengambilan semula peralatan ICT terpakai yang perlu dikitar semula	Rekod penyelenggaraan

IV. PEROLEHAN PENCETAK SERBAGUNA

1. PENDEKATAN GGP HENDAKLAH MELIPUTI:

- Pengurangan kesan alam sekitar dengan penggunaan tenaga yang cekap dan pengurangan sisa
- Kualiti produk peranti percetakan pelbagai guna

2. SKOP

Membekalkan pencetak pelbagai fungsi cekap tenaga yang melakukan dua atau lebih fungsi teras seperti menyalin, mencetak, faksimili, atau mengimbas.

3. SPESIFIKASI PRODUK

Pencetak Serbaguna

KRITERIA MANDATORI	PEMBUKTIAN
• Membekalkan pencetak pelbagai fungsi cekap tenaga yang melakukan dua atau lebih fungsi teras seperti menyalin, mencetak, faksimili, atau mengimbas. • Mempunyai kriteria cekap tenaga dan mendapat pengiktirafan International <i>Energy Star Rating</i> minima 5.2 atau mendapat pengiktirafan MyHijau Mark	 
KRITERIA PENGANUGERAHAN (MARKAH TAMBAHAN)	PEMBUKTIAN
Polisi Pengambilan Semula dan Kitar Semula • Pembekal mempunyai polisi pengambilan semula kartrij toner terpakai yang perlu dikitar semula	Rekod penyelenggaraan

V. PEROLEHAN TONER

1. PENDEKATAN GGP HENDAKLAH MELIPUTI:

- Pengurangan kesan alam sekitar dengan penggunaan tenaga yang cekap dan pengurangan sisa

2. SKOP

Membekalkan toner mesra alam.

3. SPESIFIKASI PRODUK

Toner

KRITERIA MANDATORI	PEMBUKTIAN
Mendapat pensijilan ecolabel seperti Blaue Engel (Jerman ecolabel), the Umweltzeichen (Austrian ecolabel), the Eco Mark (Jepun ecolabel), Ecologo (Amerika Utara ecolabel), Thai Green Label (Thailand ecolabel) or the Nordic Swan ecolabel atau yang setaraf dengannya atau mendapat pengiktirafan MyHijau Mark	Lain-lain ecolabel seperti yang dinyatakan 
KRITERIA PENGANUGERAHAN (MARKAH TAMBAHAN)	PEMBUKTIAN
Polisi Pengambilan Semula dan Kitar Semula • Pembekal mempunyai polisi pengambilan semula kartrij toner terpakai yang perlu dikitar semula	Rekod penyelenggaraan

VI. PEROLEHAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN

1. PENDEKATAN GGP HENDAKLAH MELIPUTI:

- Mengelakkan penggunaan bahan-bahan berbahaya tertentu dalam produk pembersihan.
- Mengelakkan penggunaan fosforus dan mengehadkan penggunaan biosid (*biocide*) dalam produk pembersihan.
- Menyediakan maklumat tentang dos yang disyorkan.
- Mengurangkan penggunaan produk pembersihan dengan mengkaji semula pelan dan teknik pembersihan.
- Meningkatkan latihan kepada kakitangan yang terlibat dalam kerja-kerja pembersihan.
- Mengurangkan kuantiti pembungkusan yang digunakan dan meningkatkan tahap kitar semula.

2. SKOP

Menyediakan perkhidmatan pembersihan umum termasuk pembersihan bangunan, rumah dan pembersihan tingkap. Ini termasuklah prosedur kontrak pembersihan (secara bulanan atau tahunan) dan perkhidmatan pencucian berkala.

3. SPESIFIKASI PRODUK

KRITERIA MANDATORI	PEMBUKTIAN
• Bahan pencuci yang bersifat terbiodegrasi (<i>biodegradable</i>) yang mempunyai pengiktirafan MyHijau Mark atau yang mempunyai label hijau seperti SIRIM Ekolabel atau yang setaraf. Pembekal adalah dilarang menggunakan bahan pencuci sanitari dan pencuci tandas berasaskan klorin serta yang mempunyai tahap keasidan tinggi. • Menggunakan tisu tandas yang mengandungi bahan kitar semula dan yang mempunyai pengiktirafan MyHijau Mark atau yang mempunyai label hijau seperti SIRIM Ekolabel atau yang setaraf. • Menggunakan pewangi tandas hanya menggunakan bahan semula jadi atau bahan organik sahaja (contoh, berasaskan bahan semula jadi seperti pandan, serai wangi, bunga melur dan seumpamanya) dan yang mempunyai pengiktirafan MyHijau Mark atau yang mempunyai label hijau seperti SIRIM Ekolabel atau yang setaraf.	 

KRITERIA PENGANUGERAHAN (MARKAH TAMBAHAN)	PEMBUKTIAN
Menggunakan plastik sampah yang mengandungi bahan kitar semula atau terbiodegradasi (biodegradable) dan yang mempunyai pengiktirafan MyHijau Mark atau yang mempunyai label hijau seperti SIRIM Ekolabel atau yang setaraf.	

VIII. PEROLEHAN LAMPU

1. PENDEKATAN GGP HENDAKLAH MELIPUTI:

- Pembelian lampu cekap tenaga
- Pembelian produk dengan jumlah bahan-bahan berbahaya yang terhad
- Menghasilkan sisa pembungkusan yang kurang dan penggunaan bahan pembungkusan yang lestari
- Pelupusan produk akhir yang selamat (kitar semula, penggunaan semula)

2. SKOP

Membekalkan pencahayaan cekap tenaga.

3. SPESIFIKASI PRODUK

KRITERIA MANDATORI	PEMBUKTIAN
• Mempunyai pengiktirafan MyHijau Mark atau • Mendapat pensijilan Ekolabel SIRIM	 

MAKLUMAT TAMBAHAN SPESIFIKASI

Spesifikasi Teknikal Lampu Pendarfluor

- Bagi lampu linear, bulat dan pendarfluor padat, ia mesti memenuhi kadar kuasa (*power rating*) (W) dan keberkesanan (*efficacy*) (lm/W) mengikut kategori seperti di bawah:

<i>Single-Capped</i> dengan Balast Bersepadu (CFL) atau Lampu <i>Self-Ballasted</i>		
Keberkesanan Lampu (Lamp Efficacy)	Penilaian Kuasa (W)	Keberkesanan (lm/W)
	<9	80

	9-15	80
	16-24	80
	>24	80
Faktor kemandirian lampu pada 2000 jam (<i>Lamp survival factor at 2000 hr</i>)	$\geq 98 \%$	
Faktor penyelenggaraan lumen pada 2000 jam (<i>Lumen Maintenance Factor at 2000 hr</i>)	$\geq 92.5\%$	
Kandungan Raksa	$\leq 5.0 \text{ mg}$	
Bilangan perubahan kitaran sebelum kegagalan (<i>Number of switching cycles before failure</i>)	$\geq 10,000$	
Indeks Petunjuk Warna (<i>Colouring Rendering Index</i>)	≥ 0	

Single-Capped with Non-Integrated Ballasted		
Keberkesanan Lampu (Lamp Efficacy)	Penilaian Kuasa (W)	Keberkesanan (lm/W)
	<10	80
	11-50	80
	>51	80
Faktor kemandirian lampu pada 2000 jam (<i>Lamp survival factor at 2000 hr</i>)	$\geq 98 \%$	
Faktor penyelenggaraan lumen pada 2000 jam (<i>Lumen Maintenance Factor at 2000 hr</i>)	$\geq 92.5\%$	
Kandungan raksa	$\leq 5.0 \text{ mg}$	
Bilangan perubahan kitaran sebelum kegagalan (<i>Number of switching cycles before failure</i>)	$\geq 10,000$	
Indeks Petunjuk Warna (<i>Colouring Rendering Index</i>)	≥ 0	

Lampu Pendafluor Double-Capped	
Keberkesanan Lampu (<i>Lamp efficacy</i>)	$\geq 90 \text{ lm/W}$
Faktor kemandirian lampu pada 2000 jam (<i>Lamp survival factor at 2000 hr</i>)	$\geq 9\%$
Faktor penyelenggaraan lumen pada 2000 jam (<i>Lumen Maintenance Factor at 2000 hr</i>)	$\geq 92.5\%$
Kandungan Raksa	$\leq 5.0 \text{ mg}$
Bilangan perubahan kitaran sebelum kegagalan (<i>Number of switching cycles before failure</i>)	$\geq 10,000$
Indeks Petunjuk Warna (<i>Colouring Rendering Index</i>)	≥ 0

Lampu LED (SSL)

- Keberkesanan dan jangka hayat lampu LED yang ditentukan oleh LM-80 hendaklah tidak kurang daripada yang ditunjukkan jadual di bawah:

Penilaian Kuasa (W)	Keberkesanan (lm/W)	Jangka Hayat (Jam)
<5	70	10,000
5-10	80	15,000
10-15	80	25,000
>15	80	35,000

Lampu HID (termasuk lampu induksi)

- Keberkesanan dan jangka hayat lampu HID hendaklah tidak kurang daripada yang dinyatakan jadual di bawah:

Penilaian Kuasa (W)	Keberkesanan (lm/W)	Jangka Hayat (Jam)
<100	>100	10,000
>100	80	15,000

IX. PEROLEHAN PENGHAWA DINGIN

1. PENDEKATAN GGP HENDAKLAH MELIPUTI:

- Pengurangan kesan alam sekitar dengan penggunaan tenaga yang cekap dan penggunaan penyejuk mesra alam

2. SKOP

Membekalkan sistem penghawa dingin (*split unit*) yang berkapasiti 2.5hp dan ke bawah bagi sistem penghawa dingin dinding untuk kegunaan premis kerajaan.

3. SPESIFIKASI PRODUK

KRITERIA MANDATORI	PEMBUKTIAN
• Mempunyai kriteria cekap tenaga dan mendapat pengiktirafan 5 star Energy Star rating yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau mempunyai pengiktirafan MyHijau Mark • Untuk kapasiti penyejukan tidak kurang dari 4.5kW dan tidak melebihi 7.1kW, nisbah nilai kecekapan tenaga adalah ≥ 10.71 Btu/h/w • Untuk kapasiti penyejukan < 4.5kw, nisbah nilai kecekapan tenaga adalah ≥ 11.94 Btu/h/w	 

X. PEROLEHAN BENGKEL AUTOMOTIF

1. PENDEKATAN GGP HENDAKLAH MELIPUTI:

- Bengkel yang mempunyai sistem pengurusan sisa terjadual
- Bengkel yang berdaftar dengan JAS
- Bengkel ini hendaklah terletak di kawasan yang ditetapkan mengikut keadaan atau keperluan kawal selia persekutuan
- Bengkel yang mematuhi kod amalan untuk selepas pasaran kenderaan motor (4R & 2S) standard industri

2. SKOP

Perkhidmatan bengkel automotif merujuk kepada perkhidmatan membaiki dan menyelenggara kenderaan oleh mekanik, juruteknik dan juruelektrik. Berikut adalah perkhidmatan yang disediakan:

- Membaiki kerosakan kenderaan (*breakdown*)
- Membaiki kerosakan kenderaan yang disebabkan oleh perlanggaran dan kemalangan termasuk barangan mekanikal, elektrik, kerja-kerja badan dan pembaikan cat
- Penyelenggaraan berjadual kenderaan
- Perkhidmatan penyelenggaraan khusus, pembaikan atau baik pulih (MRO) seperti bahagian badan, tayar dan penjajaran roda, pendawaian elektrik kereta, pembaikan pemanas pengudaraan dan penghawa dingin (HVAC), pembaikan kaca automotif, pemerincian dan pemasangan kenderaan

3. SPESIFIKASI PRODUK

KRITERIA MANDATORI	PEMBUKTIAN
• Semua sisa berbahaya / Buangan Terjadual / Minyak Digunakan / tercemar Parts & Rags / bateri terpakai tidak boleh dihantar ke tapak pelupusan sampah atau dilepaskan ke sistem saliran awam. • Sisa mesti diangkut oleh kontraktor berdaftar dengan JAS ke kemudahan tapak yang dilesenkan untuk menerima / merawat / kitar semula sisa terjadual. • Bukti bertulis atau rekod atas talian mestilah disimpan di premis untuk pengesahan.	• <i>Inventory of Scheduled Wastes</i> • Lesen Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak Bagi Buangan Terjadual atau Lesen Kemudahan Penstoran Luar Tapak: Pengumpulan, Pemindahan Dan Pengangkutan Buangan Terjadual

Kriteria Tambahan

KRITERIA PENGANUGERAHAN (MARKAH TAMBAHAN)	PEMBUKTIAN
• Sisa minyak dan bahan buangan kimia tidak boleh bercampur semasa penyimpanan. Ianya hendaklah disimpan di dalam bekas yang sesuai. • Semua bahagian yang tercemar dengan minyak dan / atau gris hendaklah disimpan dalam dulang titisan (drip tray) atau di kawasan yang ditetapkan • Aktiviti mencuci kenderaan, pembersihan alat ganti dan lain-lain aktiviti yang berkaitan hendaklah dilakukan dalam kawasan washing bay bersambung dengan pemintas atau pemisah minyak untuk rawatan sebelum dilepaskan ke dalam sistem saliran awam. • Bengkel automotif yang menyediakan perkhidmatan penghawa dingin tidak boleh menggunakan penyejuk yang diharamkan seperti di dalam Jadual (Peraturan 2) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 1999 contohnya CFC11, CFC12, CFC113, CFC114, dan CFC115. • Mematuhi peraturan-peraturan keselamatan negara dan / atau tempatan yang berkaitan dan alam sekitar. Contohnya Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan 1994 (OSHA 1994), Akta Kilang & Jentera 1967 (FMA 1967), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) • Menyediakan peralatan perlindungan diri yang sesuai (PPE) kepada pekerja bagi melindungi daripada risiko kecederaan • Bengkel automotif yang menyediakan perkhidmatan pembaikan cat perlu menggunakan cat berasaskan air dan bilik semburan cat yang sesuai • Prosedur pembersihan tumpahan bersama-sama dengan peralatan kecemasan yang sesuai hendaklah disediakan di tempat kerja. Kakitangan hendaklah dilatih dengan betul tentang cara pengendalian	• Sijil OSHA • Standard Operating Procedure (Emergency Response Plan)

KRITERIA PENGANUGERAHAN (MARKAH TAMBAHAN)	PEMBUKTIAN
• Mematuhi kod amalan bagi Motor Vehicle Aftermarket (4R & 2S). • Minima 10% bebas bahan kimia (SoC) dan bahan terbiodegradasi/ kitar semula untuk pembungkusan.	• Standard 4R & 2 S

XI. PEROLEHAN ALAT PEMADAM API (JENIS SERBUK KERING)

1. PENDEKATAN GGP HENDAKLAH MELIPUTI:

- Pengurangan kesan alam sekitar dengan penggunaan tenaga yang cekap dan pengurangan sisa

2. SKOP

Membekalkan alat pemadam api mesra alam.

3. SPESIFIKASI PRODUK

ALAT PEMADAM API MUDAH ALIH (JENIS SERBUK KERING)

KRITERIA MANDATORI	PEMBUKTIAN
Agen pemadam api tidak mengandungi logam berat seperti plumbum, kadmium, nikel, tembaga, merkuri dan zink	Laporan ujian makmal yang diakreditasi dan yang setara dengannya (MS1539 Part 1)

XII. PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERCETAKAN

1. PENDEKATAN GGP HENDAKLAH MELIPUTI:

- Membeli produk mengandungi bahan berbahaya dengan jumlah yang terhad
- Pengurangan sisa pembungkusan dan penggunaan bahan pembungkusan yang mampan
- Pembuangan Selamat (kitar-semula, guna-semula) produk akhir dan penggunaan bahan pembungkusan yang mampan

2. SKOP

Menentukan keperluan kepada proses pembuatan perkhidmatan percetakan yang meminimakan kesan alam sekitar.

3. SPESIFIKASI PRODUK

KRITERIA MANDATORI	PEMBUKTIAN
Operasi Pembekal Percetakan • Pematuhan kepada Akta Kawalan Kualiti Alam Sekitar 1974 oleh Jabatan Alam Sekitar terutamanya Akta Pelepasan Efluen Perindustrian dan Akta Udara Bersih 2015 • Memastikan tiada air sisa industri dilepaskan ke dalam sistem pembentungan domestik. Sisa efluen hendaklah dirawat dengan betul, dikitar semula, digunakan semula, dan / atau dijual.	• Inventory of Scheduled Wastes • Lesen Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak Bagi Buangan Terjadual atau Lesen Kemudahan Penstoran Luar Tapak: Pengumpulan, Pemindahan Dan Pengangkutan Buangan Terjadual
Dakwat • Penggunaan dakwat pencetak, lapisan, pelekat dan lapisan cantum lekat (laminates) tidak melebihi jumlah keseluruhan 100ppm untuk plumbum, merkuri, kadmium dan kromium heksavalen. • Mendapat pensijilan ecolabel seperti Blaue Engel (German ecolabel), the Umweltzeichen (Austrian ecolabel), the Eco Mark Japan, Ecologo, Thai Green Label or the Nordic Swan ecolabel atau yang setaraf dengannya atau mendapat pengiktirafan MyHijau Mark	

	
Kertas - Semua gentian mesti mempunyai skim pengurusan hutan mampan yang sah dan / atau rantai sijil jagaan dikeluarkan oleh skim pensijilan oleh pihak ketiga seperti Forest Stewardship Council (FSC) atau Programme for the Endorsement of Forest Certification (PEFC) atau yang setara. atau - Serat yang Kitar Semula (Recycle Fibre) yang memenuhi keperluan MS2080:2008. atau - Mendapat pengiktirafan MyHijau Mark	<i>Forest Stewardship Council (FSC)</i> <i>Programme for the Endorsement of Forest Certification (PEFC)</i>  

2. RUJUKAN

- Garis Panduan Perolehan Hijau Kerajaan terbitan Malaysian Green Technology Corporation (MGTC) dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia (KeTTHA)
- Semakan produk yang diiktiraf mesra alam boleh dibuat di:
 - MyHijau: <https://www.myhijau.my>
 - SIRIM: <http://www.malaysiancertified.com.my>
 - Energy Star: <http://www.eu-energystar.org/products.htm>